

**UCAPAN YANG BERHORMAT TAN SRI DATUK CHONG KAH KIAT,  
TIMBALAN KETUA MENTERI/ MENTERI PELANCONGAN,  
KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR  
DI MAJLIS PERASMIAN BENGKEL RISIKO TANAH RUNTUH DI  
KUNDASANG**

**PADA 22 MAC 2005 BERTEMPAT DI KEM BINA NEGARA, KUNDASANG  
(Disampaikan oleh YB Datuk Haji Karim Hj. Bujang, Pembantu Menteri  
Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar)**

Yang berusaha Tuan Hj. Amri Suratman, Pegawai Daerah Ranau,  
Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr Hood Salleh, Felo Utama LESTARI,  
Yang Berbahagia Prof Dr Ibrahim Komoo, Pengarah LESTARI  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,  
Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya merasa amat berbangga kerana pada pagi yang mulia ini saya dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan di majlis perasmian ***Bengkel Risiko Tanah Runtu di Kundasang Bertemakan "Kesan, Peranan dan Tindakan Bersama"***.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seperti kita semua sedia maklum daerah Ranau, khususnya kawasan Kundasang adalah terkenal sebagai salah satu kawasan pertanian berunsur tanaman sayur-sayuran dan pelancongan pergunungan yang unggul di Malaysia. Dengan kedudukan yang strategik, pemandangan yang indah dengan berlatarbelakangkan Gunung Kinabalu iaitu salah satu daripada dua kawasan yang telah diisytiharkan sebagai Warisan Dunia di Malaysia, serta suhu yang sederhana telah menjadikan kawasan Kundasang semakin terkenal di kalangan pelancong dari dalam dan luar negeri. Justeru itu, pembangunan pelbagai kemudahan pelancongan terutamanya *motel* dan *chalet* masih lagi berterusan di kawasan Kundasang untuk menampung kedatangan pelancong yang semakin meningkat. Pada masa yang sama, beberapa kemudahan-kemudahan kerajaan telah juga dibangunkan di kawasan Kundasang seperti pusat latihan Kem Bina Negara di mana kita sama-sama berada pada pagi ini

Bagaimanapun, dalam kerancangan membangunkan kawasan Kundasang, kita dapat sama-sama melihat kejadian kerosakan yang berlaku ke atas harta benda dan bangunan awam seperti sekolah SMK Kundasang, jalanraya dan rumah-rumah kediaman penduduk setempat akibat kejadian tanah runtuh yang agak luar biasa. Berdasarkan kepada hasil penemuan kajian pihak LESTARI, Universiti Kebangsaan Malaysia, kejadian tanah runtuh yang serius dan berterusan di kawasan Kundasang adalah disebabkan kedudukannya yang terletak dalam kawasan sistem gelinciran tanah kerana keadaan geologi yang rapuh. Kemungkinan banyak lagi harta benda awam dan individu, termasuk kemudahan-kemudahan pelancongan yang sedia ada, kini terdedah kepada risiko tanah runtuh yang boleh membahayakan nyawa manusia sekiranya tiada sebarang tindakan bersesuaian diambil untuk menanganinya. Masalah gelinciran tanah ini bukan sahaja boleh

mendatangkan ketidakselesaian dan bahaya kepada keselamatan awam tetapi boleh menggugat pelaksanaan pelbagai aktiviti pembangunan dan pelancongan di kawasan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya percaya beberapa tragedi bangunan runtuh yang membawa maut akibat gelinciran tanah yang berlaku di negara ini masih segar dalam ingatan kita. Ini termasuklah tragedi *Highland Towers* pada 11 Disember 1993 yang telah mengorbankan sebanyak empat puluh lapan (48) nyawa, kejadian tanah runtuh pada bulan November 2002 di Taman Tan Sri Ismail Omar di Taman Hillview, Hulu Kelang yang meragut lapan (8) nyawa serta beberapa lagi kejadian lain termasuk di kawasan Kundasang ini sendiri.

Walaupun tragedi-tragedi berkenaan disifatkan sebagai ketentuan takdir namun faktor manusia masih dianggap sebagai antara penyebab utama yang berpunca daripada kelalaian dalam mengenalpasti dan menganalisis pelbagai isu dan faktor alam sekitar ketika di peringkat perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan. Antaranya ialah lanskap semulajadi yang diubah secara paksa tanpa pertimbangan yang sewajarnya ke atas faktor-faktor kestabilan alam sekitar. Tragedi-tragedi sedemikian merupakan tanda-tanda yang nyata bahawa lanskap semulajadi yang diubah secara paksa bertindakbalas terhadap perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab.

Memandangkan keadaan geologi yang rapuh dan alam sekitar yang sensitif di kawasan Kundasang, sebarang kejadian yang tidak diingini mungkin akan berlaku pada bila-bila masa akibat daripada gelinciran tanah atau tanah runtuh sekiranya semua pihak yang berkepentingan dan bertanggungjawab tidak memainkan peranan masing-masing dalam memastikan setiap aktiviti pembangunan di kawasan ini dirancang dan dilaksanakan dengan penuh berhati-hati dan teliti serta dikawal dengan rapi. Tindakan bersepadu hendaklah merangkumi menjalankan kajian penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar; menyediakan dan menetapkan zon kawasan pembangunan yang selamat; menyediakan pelan pembangunan yang mesra alam; melaksanakan langkah-langkah kawalan atau mitigasi yang efektif terutama dalam penyediaan tapak yang melibatkan kerja tanah serta menggunakan bahan dan struktur binaan yang bersesuaian. Pada masa yang sama, perancangan pembangunan hendaklah berpandukan kepada keadaan persekitaran dan lanskap sedia ada dengan meminimumkan perubahan terhadap lanskap semulajadi atau dengan lain perkataan – biarlah lanskap semulajadi mempengaruhi kehendak atau keperluan kita (let the natural landscape influence our desired plan).

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya telah difahamkan bahawa bengkel ini bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada semua peserta bengkel mengenai isu dan masalah ancaman gelinciran tanah dan tanah runtuh di kawasan Kundasang, seterusnya sama-sama mengenalpasti dan merangka kaedah-kaedah yang sesuai dan berkesan dalam menanganinya dalam jangka masa pendek dan

jangka masa panjang. Dengan maklumat-maklumat yang diperolehi menerusi bengkel ini, saya berharap masyarakat di Ranau khususnya di kawasan Kundasang akan lebih memahami risiko dan ancaman gelinciran tanah dan tanah runtuh di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti, seterusnya mengambil langkah-langkah tertentu serta memberikan kerjasama rapat kepada pihak jabatan dan agensi kerajaan yang berkenaan apabila hendak mengusahakan tanah tuan-tuan dan puan-puan.

Dengan berpandukan kepada hasil penemuan LESTARI, saya juga berharap melalui bengkel ini, satu Polisi berkaitan dengan kawalan pembangunan tanah atas bukit dapat dirumuskan bertujuan untuk:

- Mengukuhkan lagi kawalan dan pengurusan pembangunan tanah atas bukit di Sabah,
- Memastikan semua pihak menyedari kewujudan pelbagai peraturan, keperluan dan prosedur yang sedia ada berhubung dengan pembangunan tanah atas bukit,
- Memudahkan pengenalpastian pelbagai isu utama serta penyelarasan perancangan dan kawalan pelbagai aktiviti pembangunan tanah atas bukit,
- Memudahkan penyediaan Skim Perancangan Guna Tanah dan Pelan Tempatan semua kawasan bukit yang penting di Sabah, dan
- Memperkukuhkan lagi kerjasama dan pengurusan aktiviti pembangunan tanah atas bukit.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pejabat Daerah Ranau, LESTARI UKM dan semua pihak yang terlibat kerana berjaya menganjur bengkel yang amat penting ini. Saya berharap bengkel ini dapat memberikan manfaat sepenuhnya kepada semua peserta untuk faedah bersama khususnya dalam memastikan kelestarian pembangunan pertanian dan pelancongan di kawasan Kundasang. Oleh itu, saya menanti untuk menerima satu salinan resolusi hasil daripada bengkel ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan selamat berbengkel kepada semua peserta semoga segala pembentangan kertas kerja dan perbincangan seterusnya akan membuahkan hasil dan mencapai objektif bengkel.

Dengan kata-kata demikian, saya dengan sukacitanya merasmikan ***Bengkel Risiko Tanah Runtuh di Kundasang: Kesan, Peranan dan Tindakan Bersama.***

Sekian terima kasih.